

02/09/2002

PPP mahu peluang seperti komponen BN

KUALA LUMPUR, Ahad - Parti Progresif Penduduk (PPP) mahu diberi peluang sama seperti parti komponen lain dalam Barisan Nasional (BN) untuk bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Presidennya, Senator Datuk M Kayveas, berkata tiba masa bagi parti itu bertanding di beberapa kawasan Parlimen dan kawasan Dewan Undang Negeri (DUN) selaras pengumuman Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang mewujudkan beberapa kawasan baru, awal Ogos lalu.

Bagaimanapun, katanya, keputusan akhir terpulang kepada budi bicara Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Cadangan ini datang daripada Pergerakan Pemuda PPP. Masa ini adalah paling sesuai bagi kami diberikan kerusi baru.

"Melalui pengumuman persempadanan baru, ada parti komponen BN sudah membuat pengumuman yang mereka tidak mahu sebarang kerusi baru dan ada juga parti komponen membuat kenyataan mereka akan mengkaji perkara itu sebelum membuat sebarang tambahan.

"Bagi PPP, kami bersedia dan harap berpeluang memperoleh kerusi baru. Malah kami yakin boleh menang," katanya pada sidang akhbar selepas perasmian Konvensyen Pergerakan Pemuda PPP di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

Beliau mengulas cadangan Ketua Pergerakan Pemuda PPP, M Murugiah dalam ucapannya meminta kepimpinan tertinggi BN memulangkan semula lapan kerusi Parlimen dan 18 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang pernah dimenangi parti itu sebelum ini selaras persempadanan baru yang diumumkan SPR awal bulan lalu.

Salah satu daripada 20 usul Pemuda PPP pada konvensyen hari ini mencadangkan kepimpinan tertinggi BN memperuntukkan 12 kerusi Parlimen dan 21 kerusi DUN diberikan kepada parti itu pada pilihan raya umum akan datang.